

'Ucapan penggulungan PM berupaya mengalih gunung'

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR — Tiga Naib Presiden UMNO hari ini menyifatkan ucapan penggulungan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO sebagai terhebat sehingga "berupaya untuk mengalih gunung."

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ucapan Presiden UMNO itu akan menjadi pemangkin kepada bangsa Melayu untuk lebih maju dalam apa jua bidang dan berdaya saing.

Katanya, penekanan Dr. Mahathir supaya orang Melayu tabah menghadapi segala rintangan dan cabaran perlu dihayati oleh semua lapisan rakyat dan ahli UMNO.

"Saya berpendapat ucapan Dr. Mahathir kali ini amat baik dan mampu memberikan inspirasi kepada semua ahli UMNO. Dengan syarat, semua ahli sanggup mengamalkan nilai-nilai murni seperti berdisiplin dan tabah seperti saranan yang telah dibuat oleh Dr. Mahathir," katanya. Beliau berkata demi-

kian sebagai reaksi terhadap ucapan penggulungan yang dibuat oleh Dr. Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyifatkan ucapan Dr. Mahathir "berupaya untuk mengalih gunung" berkata:

"Perdana Menteri menjelaskan mengenai kesetiaan kepada Presiden parti yang boleh mengikat perpaduan dalam UMNO dengan lebih kukuh.

Persediaan

Ia turut mendorong ahli mengetepikan masalah berbangkit untuk menumpukan kepada satu perkara iaitu memastikan UMNO kekal berkuasa."

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib pula berkata, mesej Dr. Mahathir disampaikan dalam bahasa yang mudah untuk rakyat sebagai persediaan menuju ke arah bangsa dan negara maju.

"Sebagai seorang berta-

nggungjawab dan arkitek bangsa dan negara, beliau mahu rakyat sama ada Melayu, Cina dan India supaya sedar dengan kepentingan memajukan negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said pula menyifatkan ucapan Perdana Menteri sebagai amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak menimbulkan provokasi yang boleh mencetuskan kemarahan kepada UMNO.

Katanya, semua pihak perlu berhati-hati dalam membuat tafsiran bagi mengelak timbul ketegangan atau kemarahan di pihak lain.

"Ucapan itu menunjukkan Perdana Menteri bukan anti Cina seperti yang ditonjolkan oleh pihak tertentu," katanya.

Beliau menambah, walaupun masih baru, Puteri UMNO telah bersedia untuk berjuang mempertahankan parti dan presiden parti.